

29 MAY 2000

Mahathir-Umno/I

DR MAHATHIR AKAN BINCANG DENGAN PAK LAH MENGENAI PELANTIKAN ANGGOTA MT

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau mahu berbincang dengan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum membuat keputusan mengenai pelantikan 10 anggota Majlis Tertinggi Umno.

Katanya beliau masih belum membuat keputusan kerana Abdullah pada masa ini berada di luar negara.

"Saya berpendapat saya mahu berbincang dengan beliau (Abdullah) sebelum membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Minyak dan Gas Kelima 2000 di sini.

Perdana Menteri berkata demikian semasa ditanya sama ada beliau telah membuat keputusan mengenai pelantikan anggota-anggota MT.

Sebagai presiden parti, Dr Mahathir mempunyai kuasa untuk melantik 10 orang sebagai tambahan kepada 25 anggota MT yang dipilih.

Majlis Tertinggi akan mengadakan mesyuarat pertamanya selepas pemilihan parti pada 6 Jun.

Dr Mahathir berkata beliau perlu teliti dalam membuat pemilihan anggota yang dilantik kerana terlalu ramai yang boleh dipertimbangkan.

"Banyak orang sepatutnya menjadi anggota (MT) tetapi kita ada tempat yang terhad jadi kita tidak boleh lantik begitu ramai."

Ditanya mengenai kedudukan ketua penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor yang memenangi kerusi MT pada pemilihan parti baru-baru ini, Dr Mahathir berkata beliau belum memutuskan siapa yang akan menggantikan Dr Yusof.

Jawatan ketua penerangan Umno dilantik oleh presiden parti.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir juga bersetuju bahawa ketua penerangan "lazimnya diganti bila beliau sudah memenangi sesuatu jawatan tertinggi parti seperti Majlis Tertinggi Umno."

-- BERNAMA

ARA RHM RON